

## Metodologi Dakwah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) kepada Masyarakat: Satu Tinjauan Awal

**Masitah Esa<sup>1</sup>, Amini Amir Abdullah<sup>2</sup>, & Siti Suhaila Ihwani<sup>3</sup>**

*Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia<sup>1,2</sup>*

*Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia<sup>3</sup>*

*masitah.esa@yadim.com.my<sup>1</sup>, amini@upm.edu.my<sup>2</sup>, & sitisuhaila@utm.my<sup>3</sup>*

### ABSTRAK

Metodologi dakwah merupakan antara elemen yang penting dalam usaha menyampaikan risalah ajaran Islam kepada masyarakat. Al-Quran dan Hadith telah menggariskan panduan kaedah dakwah yang berkesan. Artikel ini menganalisis sebahagian metodologi dakwah yang digunakan dan diimplementasikan dalam penganjuran program-program dan produk dakwah YADIM kepada masyarakat. Penganjuran berbagai aktiviti dan program membuktikan keberadaan dan kepentingan YADIM dalam menyemarakkan dakwah bagi mensyiar dan memartabatkan Islam di negara ini. Pengumpulan data dalam kajian ini diperoleh melalui kaedah temu bual, dokumentasi dan pemerhatian. Hasil penemuan kajian, penyelidik mendapati bahawa penganjuran program dan produk YADIM melalui konsep tarbiah dan penyebaran media mampu meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat.

### ABSTRACT

Da'wah (preaching) methodology is one of the important elements of the effort to effectively convey the message of Islam to the public. Al-Quran and Hadith have outlined guidelines for effective preaching methods. This article analyzes some da'wah methodology adopted and implemented by YADIM through various programs, activities and visible products in realizing the existence and objectives of YADIM. Organizing the variety of effective programs and diverse activities are proven by the existence and importance of YADIM in spreading and upholding Islam in this country. The collection of data in this study uses interviews, documentations and obsevation. The researchers found that the establishing of programs and products through the concept of tarbiyyah and dissemination of da'wah message through the media can increase the understanding of Islam among the community.

### PENGENALAN

Organisasi Islam di Malaysia mula berkembang pada era tahun 70an. Organisasi Islam terlibat secara langsung dalam mengimplementasikan gerakan dakwah di negara ini. Pergerakan pesat organisasi Islam, sama ada di peringkat agensi kerajaan ataupun Badan Bukan Kerajaan (NGO) memainkan peranan penting dalam memartabatkan dan mensyiar Islam. Ini berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa Agama Islam adalah Agama Persekutuan. Hal ini dinyatakan dengan jelas bahawa:

*"Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama2 lain boleh di-amalkan dengan aman dan damai di-mana2 bahagian Persekutuan".*

Perlembagaan Persekutuan juga telah memperuntukkan bahawa Agama Islam adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan Raja bagi tiap-tiap negeri adalah sebagai Ketua Agama di negeri masing-masing. Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, maka Yang Di Pertuan Agong adalah sebagai Ketua Agama. Dengan demikian, sebagai salah sebuah Badan Dakwah, YADIM juga mempunyai peranan yang penting dalam usaha gerakan dakwah kepada masyarakat. Kewujuduannya dalam menyemarakkan gerakan dakwah turut membantu menyemarakkan syiar Islam. Objektif

kajian ini adalah untuk menganalisis kaedah dakwah yang telah digunakan oleh YADIM melalui konsep tarbiyah dan media. Kajian ini juga menjelaskan dan menghuraikan kaedah dakwah menurut perspektif Al-Quran dan Hadith. Kaedah perpustakaan melalui data-data premier yang bersesuaian diambil bagi mendapatkan maklumat kajian. Kajian lapangan juga dijalankan dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual. Hasil kajian mendapati bahawa program dan aktiviti yang dilaksanakan dari sudut tarbiyah, media dan sosial adalah selaras dengan keperluan sasaran pada masa kini. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sama ada berkonseptan dakwah bil-hal ataupun peningkatan kefahaman Islam mampu memberikan kesedaran dan pemahaman kepada masyarakat mengenai Islam.

## **SEJARAH RINGKAS PENUBUHAN YADIM**

YADIM telah ditubuhkan pada tahun 1974 oleh kerajaan Malaysia. Idea penubuhan Yayasan Dakwah atas usaha Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Tun Haji Abdul Razak Hussein mewujudkan Badan Penyeralarasan Gerakan Dakwah yang berasaskan kepada keperluan masyarakat. Ia mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat Islam sejak awal tahun 70an. Kewujudannya juga atas desakan daripada masyarakat pada tahun tersebut. YADIM sebagai satu Badan Amanah yang didaftarkan di bawah "Trust Incorporation Ordinance 1952" bertanggungjawab secara langsung kepada YAB. Perdana Menteri Malaysia. Akta ini sebenarnya diberi nama Trustees (Incorporation) Act 1952 atau Ordinan Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952 (No.73 Tahun 1952) yang telah diluluskan oleh Ketua Peguam Negara, Tan Sri Abdul Kadir Yusof pada 30 Mei 1974. Akta ini kemudiannya telah dipinda pada 1 Januari 2006.

Sejarah penubuhan YADIM bermula melalui pembentangan kertas kerja dalam Seminar Kongres Ekonomi Islam Ke-2 yang bersidang pada 7-9 April 1972 di Petaling Jaya anjuran Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar. Kongres ini telah merumuskan untuk menujuhkan sebuah yayasan yang dinamakan Yayasan Sebaran Islam. Sebanyak enam dibentangkan dalam kongres ini di antaranya ialah "Penubuhan Perbadanan Kewangan Muslimin (Baitul Mal Pusat)" yang dibentang oleh Tuan Haji Nik Mohd Mohyideen Musa. Turut sama dalam penyusunan kertas kerja ini adalah En. Nakhaie Bin Ahmad, yang pada ketika itu merupakan setiausaha bagi kertas kerja tersebut. Kongres Ekonomi Islam yang ke-2 ini merumuskan "Penubuhan Perbadanan Kewangan Muslimin (Baitul Mal Pusat)" yang terkandung di dalamnya iaitu:

- i. "Bahawa Kongres ini mengambil keputusan menujuhkan sebuah yayasan yang dinamakan Yayasan Sebaran Islam dengan tujuan:
  - a. Menjalankan dakwah Islamiah, dan
  - b. Menjalankan usaha-usaha kebajikan di seluruh Malaysia
- ii. Kerajaan perlu melantik sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada bijak pandai dan orang-orang Islam untuk merangka perlumbagaan yang lengkap.
- iii. Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri hendaklah memberikan sokongan penuh dengan menghulurkan sumbangan-sumbangan kewangan dan lain-lain.
- iv. Yayasan ini boleh menerima sumbangan kewangan daripada apa jua punca lain yang halal".

Pada 13 April 1972, Tun Abdul Razak telah mengarahkan melalui suratnya kepada Dato' Haji Ismail Panjang Aris, Setiausaha Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Agama Islam Malaysia (MKI) agar menujuhkan sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Tan Sri Aziz Zain yang pada ketika itu adalah Pengurus Lembaga Lektrik Negara (LLN). Tugas jawatankuasa ini ialah "...to make a preliminary study of the proposal to establish a foundation for da'wah Islam". Anggota jawatankuasa ini terdiri daripada Prof Ahmad Ibrahim, Dr Mohd Zain Othman, Dato' Wan Kadir Ismail dan Dato' Ismail Panjang Aris sebagai setiausaha.

Tugas jawatankuasa yang telah dilantik oleh Perdana Menteri ketika itu adalah membuat penyediaan draf Deed of Trust. Jawatankuasa kerja pengurusan disediakan oleh Prof. Ahmad Ibrahim. Setelah mengadakan mesyuarat dan perbincangan yang diketuai oleh Tan Sri Aziz Zain secara berulangkali dan beberapa kali membuat pindaan maka akhirnya Trust Deed berjaya disiapkan. Selanjutnya Trust Deed telah diluluskan Peguam Negara Malaysia dan menyerahkan salinan surat ikatan kepada Setiausaha Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam dalam dua bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Setelah selesai Tust Deed berkenaan, Perdana Menteri telah melantik Y.B Tan Sri Syed Nasir Ismail sebagai Pemegang Amanah dan Yang Dipertua YADIM pertama. Satu permohonan bertulis kepada Peguam Negara Malaysia telah dibuat untuk Perakuan Perbadanan pada 21 Februari 1974 yang telah ditandatangani oleh semua Ahli Lembaga yang terdiri daripada:

1. Y.B Tan Sri Syed Nasir Ismail
2. Ustaz Haji Hasan Adli
3. Y.B Tan Sri Syed Jaafar Albar
4. Haji Nik Abdul Aziz Haji Nik Mat (Kelantan)
5. Mawardi Lebai Teh (Kedah)
6. Haji Mokhtar Haji Daud (Pahang)
7. Khadir Khatib (Kelantan)
8. Haji Dusuki Haji Ahmad
9. Sheikh Haji Ghazali Wahid (Perak)
10. Dato' Dr. Haji Omar Din (Selangor)
11. Dato' Haji Muhammad Ahmad (Sabah)
12. Ismail Talap (Sarawak)

Pemegang-pemegang Amanah ini dikawal oleh suatu Suratikatan Amanah bertarikh 25 Januari 1974 dalam perkara Ordinan Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952 (No 73 tahun 1952) dengan nama PEMEGANG-PEMEGANG AMANAH YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA BERDAFTAR. Pada 30 Mei 1974, Tan Seri Dato' Abdul Kadir Yusof, Peguam Negara Malaysia telah menandatangani akuan perbadanan tersebut.

Setelah selesai urusan Trust Deed dan pelantikan Ahli lembaga YADIM, satu perjumpaan telah diadakan dengan Badan-badan Dakwah pada 25 Januari 1974. Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak Bin Hussin telah mengisyiharkan penubuhan YADIM di Majlis Perjumpaan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Pahang. Perdana Menteri dalam ucapannya mempunyai harapan yang tinggi terhadap YADIM. Menurutnya:

*...saya suka hendak menegaskan bahawa tujuan kerajaan menubuhkan Yayasan Dakwah Islamiah, Malaysia adalah untuk menggiatkan dan memusatkan lagi gerakan dakwah Islamiah di negara ini yang merupakan sebuah negara Islam yang telah memainkan peranan penting di dalam mempertahankan kesucian agama Islam dan mempertinggikan syairnya di dalam dan di luar negeri. Saya suka menyatakan bahawa kerajaan berharap dengan melalui Yayasan Dakwah Islamiah ini akan dapat di selaras dan dikemasukan aktiviti-aktiviti dakwah di semua peringkat, sama ada diperingkat yang dijalankan oleh Majlis-majlis Agama Negeri di tiap-tiap negeri ataupun peringkat badan-badan ataupun pertubuhan sukarela yang tertentu di seluruh negara.*

Ucapan Y.A.B Perdana Menteri sepertimana di atas menunjukkan pentingnya peranan YADIM dalam memperkuat tenaga dan memusatkan kegiatan badan-badan dakwah Islamiah. Hal ini diperku�uhkan lagi dengan Fungsi YADIM sebagaimana yang terkandung dalam Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 adalah sepertimana berikut:

- i. Menyelaraskan kegiatan dakwah Islam
- ii. Menjalankan kegiatan dakwah termasuklah menganjur program-program seperti seminar, forum, ceramah, bengkel dan sebagainya bagi meningkatkan kefahaman mengenai Islam

- iii. Menerbitkan bahan-bahan penerangan mengenai Islam dan menangani dengan kebijaksanaan dakyah-dakyah memburukkan Islam dan penyebaran ajaran-ajaran Islam yang diselewengkan
- iv. Memanfaatkan kaedah-kaedah baru dan teknologi terkini di dalam dakwah
- v. Melahirkan pendakwah-pendakwah Islam yang berpengetahuan dan berkemahiran

Berasaskan kepada fungsi tersebut, YADIM telah mengaplikasikan tiga objektif dan matlamat utamanya iaitu:

- i. Menyalaras kegiatan dakwah Islam
- ii. Menyelaras kegiatan dakwah Islam melalui pendekatan sosial
- iii. Melahirkan pendakwah Islam berpengetahuan dan berkemahiran.

Elemen di atas amat penting dalam usaha dakwah YADIM kepada masyarakat. Berdasarkan kepada misi YADIM iaitu melaksana dan menyelaras aktiviti dakwah merentasi ideologi dan metodologi. Visi pula adalah menerajui urusan dakwah berdasarkan kepada al-Quran dan Hadith maka YADIM akan terus berusaha menjadi penggerak yang berkesan ke arah memanfaatkan potensi ummah melalui pendekatan dakwah Islamiah dan dakwah Islahiah.

## METODOLOGI DAKWAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN HADITH

Istilah metodologi berasal dari perkataan kaedah yang bermakna cara melakukan sesuatu atau sistem. Perkataan bahasa Inggeris methodology yang bererti kajian mengenai kaedah. Menurut Abdullah Mohd Zin menyatakan bahawa metode ialah “*Method means a particular way of doing something. A particular way* boleh memberi makna atau pengertian sebagai jalan atau kaedah yang tertentu atau sesuai untuk melakukan sesuatu.

Istilah dakwah banyak menggunakan kalimah-kalimah seperti al-Manhaj ad-Dakwah ،الـوـسـيـلـةـ الدـعـوـةـ (al-Wasilah ad-Dakwah) ،الـمـنـهـجـ الدـعـوـةـ (methodology) yang mempunyai makna yang sama iaitu cara atau kaedah untuk berdakwah. Pada hakikatnya kalimah -kalimah tersebut mempunyai makna atau definisi tersendiri sesuai dengan keadaan golongan sasaran dakwah. Oleh yang demikian, secara definisinya manhaj, wasilah, uslub dan metodologi adalah mempunyai ruang lingkup yang sama apabila dihubungkan dengan dakwah.

Allah SWT telah menyatakan di dalam al-Quran tentang metodologi dakwah adalah untuk menyeru manusia ke arah Islam. Apabila seruan seseorang itu ke jalan kebenaran (jalan Allah), maka ia perlu menyeru dengan cara hikmah dengan menggunakan perkataan yang lemah lembut dan penyantun sehingga dapat membezakan antara yang hak dan yang batil. Seruan itu dilakukan dengan bijaksana supaya dakwah yang disampaikan dapat diterima oleh golongan sasaran. Apabila melalui perbahasan pula, perlu dilakukan dengan kebijaksanaan dan mempunyai ilmu kerana Allah mengetahui sama ada golongan tersebut terus sesat atau mendapat hidayah daripada Allah. Metode dakwah mestilah seiring dengan fitrah manusia. Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa uslub dakwah yang utama ada terkandung ayat-ayatnya di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah:

إِذْ أَنْتَ رَبُّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمُؤْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلُهُمْ بِالْأَيْمَنِ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَاجِرِينَ

Terjemahan: *Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engku serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk*

(An-Nahl: 125)

Menurut Fadlullah, menyatakan metodologi dalam surah ini telah menjadi panduan utama para Rasul dan pendakwah selepas mereka. Ibn Kathir mentafsirkan hikmah merupakan apa yang Allah turunkan kepada para Rasul, al-mauizah al-hasanah sebagai satu perkara yang berkonseptan pengajaran dan peringatan kepada seluruh manusia dan mujahadah dikaitkan dengan perbincangan atau berdialog kepada sesiapa yang perlu menggunakan cara ini. Menurut Wan Hussein Azmi menyatakan di antara metodologi hikmah ialah dengan cara menggunakan alat dan strategi yang benar-benar sesuai dengan tempatnya untuk mencegah daripada berlakunya kerosakan dalam gerakan dakwah. Dalam Hadith nabi, terdapat banyak hadith yang menjelaskan tentang metodologi dakwah ini iaitu:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "بلغوا عنى ولو أية وحدثوا عن بني إسرائيل ولا حرج ومن كذب على متعمداً فليتبوا مقعدة من النار"

( رواه البخاري )

Terjemahan: *Sampaikan dari aku kepada sesiapa walaupun satu ayat dan beritahulah sesiapa mengenai keburukan Bani Israel tanpa rasa berat, barangsiapa membohongi ke atas aku dengan sengaja maka bersediahlah untuk masuk neraka.*

(Riwayat al-Bukhari)

Penggunaan metodologi tersebut di dalam dakwah amat penting jelas dapat dilihat daripada pengulangan kalimah-kalimah dalam Al-Quran. Pandangan ‘Abd. Al-Baqi tentang tiga (3) metodologi utama untuk ayat di atas ialah bahawa kalimah al-hikmah disebut sebanyak dua puluh (20) kali, kalimah mawizah al-hasanah disebut sebanyak sembilan (9) kali dan kalimah al-mujadalah dalam pelbagai bentuk sebanyak dua puluh sembilan (29) kali.

Menurut ‘Abd Karim Zaidan, metode dakwah ialah cara untuk menyampaikan dakwah dan cara untuk mengatasi sebarang masalah yang berbangkit. Maka pengertian uslub dengan makna yang khusus ialah cara penyampaian atau bentuk persembahan isi kandungan dengan ibarat dan bentuk yang tertentu.

Dakwah melibatkan empat komponen yang penting iaitu pendakwah (da’i), isi kandungan dakwah (mau’du’ ad-dakwah), metodologi dakwah (manhaj ad-dakwah) dan sasaran dakwah (mad’u ad-dakwah). Kejayaan dakwah bergantung kepada ketepatan dan kebenaran setiap komponen tersebut. Oleh yang demikian, keempat-empat ini merupakan elemen yang sangat penting dalam dakwah. Tanpa salah satu dari elemen tersebut maka setiap dakwah yang dihasilkan tidak akan menepati kepada matlamat asalnya.

## TINJAUAN AWAL METODOLOGI DAKWAH YADIM KEPADA MASYARAKAT

YADIM mempunyai 4 bahagian di sektor Operasi pada ketika ini bagi melaksanakan program-program dakwah kepada masyarakat. 4 bahagian tersebut meliputi Bahagian Penyelarasang NGO dan Perhubungan Antarabangsa, Bahagian Bina Ummah, Bahagian Muamalah dan Bahagian Kepimpinan Muda Islam (KEMUDA). Metode dakwah yang diaplikasikan oleh YADIM dalam pelbagai bentuk samada dakwah bil lisan, bil khitobah, bil hal dan sebagainya.

Kekuatan pendekatan program YADIM telah dibantu dengan kolaborasi agensi sekutu, agensi kerajaan, pertubuhan NGO dan sebagainya. Antara agensi yang terlibat adalah seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan Agama Islam Negeri, Kementerian Belia Dan Sukan, Kementerian Kesihatan, Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM), pertubuhan NGO-NGO Islam dan sebagainya bagi menjayakan program-program YADIM.


Kolaborasi tersebut amat penting kerana kerjasama antara pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan dakwah Islamiah dapat megerat hubungan antara agensi melalui sinergi kepelbagaiannya proram dan produk dalam membangun ummah di negara ini. Antara program dan produk yang dijalankan oleh YADIM ialah:

### **Kaedah Dakwah Melalui Konsep Tarbiyah**

Konsep tarbiyah merupakan antara elemen yang terpenting dalam kehidupan. Kefahaman dalam menyampaikan ajaran Islam meliputi pelbagai aspek sama ada di bidang akidah, syariah dan akhlak. Metode dakwah yang digunakan meliputi aspek yang telah diterangkan dalam Al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Terdapat dua konsep dalam tarbiyah iaitu tarbiyah secara formal dan tidak formal. Kedua-dua konsep ini amat penting bagi setiap individu mempelajari dan meningkatkan ilmu pengetahuan di dunia dan akhirat. Oleh yang demikian, seiringan dengan tag line YADIM iaitu "Sampaikan dariku Walaupun Satu Ayat" merupakan satu wadah dalam mengimplementasikan kerja-kerja dakwah di negara ini. Antara program-program yang telah dilaksanakan dalam memberikan kefahaman dan peningkatan ilmu pengetahuan kepada masyarakat adalah:

### **Muktamar Majlis Amal Islami Malaysia**

Program Muktamar Majlis Amal Islami Malaysia adalah antara program utama YADIM kerana YADIM betepatan dengan fungsinya sebagai penyelaras bagi kegiatan dakwah di negara ini. Program tersebut diadakan adalah untuk mengumpulkan NGO-NGO Islam dalam satu wadah tanpa mengira ideologi politik bagi membincangkan isu-isu semasa yang dihadapi oleh masyarakat di negara ini. Melalui program yang dilaksanakan, terdapat jalinan kolaborasi secara bersama dalam pelbagai bidang kepakaran dan tenaga kerja untuk menyatupadukan ummah. Ini kerana titik temu NGO-NGO Islam yang mempunyai aliran dan idelogi berbeza amat penting memandangkan NGO-NGO tersebut merupakan pihak ketiga bagi saluran masyarakat untuk bersuara dan menyampaikan fikrah kepada kerajaan. Terdapat nilai persamaan yang boleh disepakati oleh NGO-NGO Islam ini iaitu dari sudut hal agama Islam, Perlembagaan Persekutuan, Institusi Raja-Raja Melayu dan hak keistimewaan Bumiputera. Oleh yang demikian, Bahagian Penyelarasan NGO & Antarabangsa di bawah Sekretariat Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM) diberi tanggungjawab untuk menganjurkan program ini. Penubuhan MAIM pada tahun 2005 yang telah dilancarkan secara rasminya oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong pada tarikh 13 Januari 2009 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya. MAIM telah dikemaskini pada tika ini dengan pembentukan dan penubuhan 7 kluster terdiri seperti berikut:



Penubuhan kluster-kluster diwujudkan berdasarkan kepada kesesuaian semasa yang dianggotai oleh NGO-NGO berdaftar di bawah YADIM. Tujuan penubuhannya adalah supaya setiap isu semasa yang berlaku di dalam masyarakat dapat di bincangkan secara tuntas dan menghasilkan penyelesaian terhadap sesuatu perkara mengikut kepakaran dan "core business" NGO-NGO tersebut. Antara tajuk-tajuk perbincangan ialah "faktor utama yang boleh membentuk perpaduan dalam kalangan umat Islam, membina kesatuan sikap dalam menghadapi cabaran semasa terhadap Islam di Malaysia, dilema perpaduan politik Melayu di Malaysia dan sebagainya.

### **Pemantapan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah**

Program pemantapan akidah ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan antara salah satu program utama di YADIM. Ini kerana banyak fahaman baharu yang ditonjolkan telah mengelirukan umat Islam seperti fahaman liberal, syiah, ajaran sesat dan sebagainya yang telah menular ke dalam masyarakat kita pada hari ini bagi tujuan meresap ke dalam pemikiran umat Islam. Fahaman-fahaman ini menggunakan logik akal dalam mengembangkan fahaman mereka ke dalam masyarakat. Oleh yang demikian, YADIM telah mengadakan program ini bermula pada tahun 2005 dan menggiatkan secara aktif dalam memberikan pengetahuan dan kefahaman berkaitan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Beberapa penyelidikan juga telah dibuat bersama pihak universiti tempatan iaitu pertama ajaran sesat dalam bentuk baru Islam Liberal, kedua pandangan dan kefahaman bukan Muslim terhadap agama Islam di Malaysia pada tahun 2007. Kesinambungan dari penyelidikan ini, program tersebut telah dilaksanakan dan diimplementasikan kepada masyarakat bagi memberi penerangan yang jelas berkaitan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Intipati dalam program ini diterangkan tentang isu-isu yang mengancam pemikiran umat Islam. Hal ini sebagaimana di jelaskan oleh Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato Dr Asyraf Wajdi Bin Dusuki semasa beliau menjadi Yang Dipertua YADIM bahawa:

*"...YADIM bertekad membanteras ajaran sesat seperti Syiah secara berterusan dengan memberi penerangan kepada generasi muda kerana golongan tersebut mudah terpengaruh. YADIM menumpukan kepada tiga ancaman iaitu fahaman syiah, liberalisme dan kristianisasi..."*

Program yang berlangsung setengah hari ini bermula dari jam 8.00 pagi - 1.00 tengahari diadakan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Negeri. Konsep program berbentuk ceramah dan forum yang dikupas dan disampaikan oleh para pakar dalam bidang ini. Pada tahun 2103, Seminar Pemantapan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah telah diadakan di sembilan lokasi iaitu Kuala Lumpur, Perlis, Terengganu, Kedah, Pahang, Johor, Melaka, Pulau Pinang dan Selangor. Untuk tahun 2104 dan 2015, YADIM telah menganjurkan proram ini ke daerah-daerah melalui masjid-masjid di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Kesinambungan dari program ini adalah melalui aktiviti Wacana Dakwah Masjid Dan Surau. Kolaborasi bagi penganjuran program ini juga diperluaskan selain daripada Majlis dan Jabatan Agama iaitu jawatankuasa masjid dan surau serta jawatankuasa kampung dan taman serta komuniti setempat.

### **Simposium Muamalah Islam**

Simposium Muamalah Islam adalah salah satu program kesedaran kepada orang ramai yang dirangka khas untuk memberi kefahaman tentang sistem kewangan Islam di Malaysia. Menurut Pengurus Eksekutif Bahagian Muamalah Islam menyatakan bahawa:

*"..Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara pertama yang memperkenalkan "dual banking system" dimana sistem perbankan Islam beroperasi seiring dengan sistem perbankan konvensional. Bank Islam Malaysia Berhad atau bank Islam pertama ditubuhkan di Malaysia iaitu pada tahun 1983. Pada tahun 1993, kerajaan mula membenarkan bank konvensional menawarkan perkhidmatan perbankan Islam. Diikuti pada tahun 1999, bank Islam kedua ditubuhkan iaitu*

*Bank Muamalat Malaysia Berhad. Selepas 30 tahun, perbankan Islam terus berkembang maju namun begitu peratusan pengguna yang memilih perkhidmatan perbankan Islam masih ketinggalan berbanding perbankan konvensional.”*

Rentetan daripada permasalahan yang telah dikenalpasti oleh pihak YADIM seperti mana diatas bahawa masyarakat pada masa kini masih kurang memahami secara mendalam tentang sistem kewangan Islam. Ini mengakibatkan hasrat Malaysia untuk menjadi Hub kewangan Islam agak terbatas walaupun Malaysia di tempat 1 antara 10 negara Islam yang mengamalkan sistem kewangan Islam. Hal ini telah lama dibicarakan seperti mana ucapan Yang Dipertua YADIM pertama iaitu:

*“...keteguhan dan kemajuan agama Islam adalah bergantung kepada wujudnya orang-orang Islam dan kewujudan orang-orang Islam pula adalah bergantung kepada keteguhan ekonomi mereka dan ramainya anggotanya yang berpelajaran tinggi..”*

Justeru itu, YADIM melalui Bahagian Muamalah mengambil inisiatif untuk menggerakkan program kesedaran terhadap Kewangan Islam ini sehingga ke akar umbi dengan membawa empat (4) teras utama iaitu perbankan Islam, pelaburan patuh Shariah, Takaful dan Pengurusan kewangan. Program ini menjelajah ke setiap negeri di Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak. Program ini juga telah mendapat kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri di samping CIMB Bank, Felda dan lain-lainnya. Program Simposium Muamalah Islam berlangsung separuh hari bermula jam 8.00 - 1.00 tghr. Konsep program iaitu ceramah dan forum yang dibentang dan dibicarakan oleh para pakar ekonomi Islam dalam memberi penerangan dan pemahaman kewangan Islam kepada masyarakat.

### ***Keluarga Sakinah***

Peranan dan sumbangan wanita di negara ini amat penting dalam pebagai aspek sama ada di bidang agama, ekonomi, politik, pendidikan, kesihatan, sosial dan sebagainya. Hal ini sewajarnya dibanggakan kerana golongan ini mampu menyumbang kepada pembangunan negara khususnya di negara ini. Keupayaan wanita ini tidak dapat di nafikan sebagaimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran dalam surah an-Nisa ayat 33:

وَمَا خَلَقَ الذَّكَرُ وَالْأُنثَى إِنْ سُعِيتُمْ لِشَيْءٍ

Terjemahan: *Dan penciptaan lelaki dan wanita dan sungguh usaha kamu mempunyai pelbagai usaha*

(Al-Lail:3-4)

Peranan wanita ini adalah mengikut kedudukannya sama ada dalam hal keluarga, masyarakat, organisasi atau negara. Atas kepentingan peranan wanita tersebut maka YADIM telah menubuhkan Hal Ehwal Wanita (HELWA) pada tahun 1989. Kemudian, pada tahun 2000 pula, di era kepimpinan Yang Dipertua ke-7, Datuk Haji Mohd Nakhaie Bin Haji Ahmad, beliau telah memperkasakan gerakan wanita ini atas nama Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM). Tujuan penubuhannya adalah untuk mengemblng tenaga dan kepakaran wanita serta badan-badan NGO wanita dalam membangunkan dan mengukuhkan potensi wanita Islam melalui pelbagai bidang bagi pembangunan ummah di negara ini. Banyak aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan seperti Perhimpunan Wanita Islam Se-Malaysia, Nadwah Wanita Islam, Muktamar Wanita Islam di Alam Melayu dan sebagainya. Manakala pada tahun 2014 sehingga kini, MPWIM telah meneruskan dengan melaksanakan program Bicara Sakinah di negeri-negeri yang terpilih termasuk Sabah dan Sarawak. Program ini membincangkan tentang peranan setiap individu dalam membangunkan model keluarga Islam. Finalis dan pemenang dalam Majlis Penganugerahan Keluarga Mithali dan Ibu Mitahli turut hadir bagi menjadi role model kepada masyarakat. Mereka membahas dan membincangkan bersama para pakar ahli MPWIM dan tokoh

-tokoh lainnya tentang peranan dan tanggungjawab dalam membangun dan membina keluarga sehingga berjaya dalam melahirkan insan yang cemerlang. Metodologi program ini berkonseptan ceramah dan forum yang berbentuk santai. Sasaran penyertaan dalam menjayakan program Bicara Sakinah adalah dikalangan mereka yang berkahwin muda, ibu tunggal, bapa tunggal dan masyarakat umum.

Program-program yang dilaksanakan oleh YADIM berkonseptan seminar sepertimana beberapa contoh diatas merupakan konsep tarbiyah kepada masyarakat. Pada tahun 2015 yang lalu, berdasarkan contoh borang penilaian program Wacana Pemantapan Akidah di Sarawak, seramai 88% dan 83% di Perak menyatakan program ini berjaya dan bermanfaat untuk mereka secara keseluruhannya bagi menambah pengetahuan dan peningkatan ilmu-ilmu Islam. Dengan demikian, program-program yang dilaksanakan oleh YADIM perlu secara berterusan dengan sasaran masing-masing agar usaha dakwah disebarluaskan dalam pelbagai bentuk variasi yang menarik minat masyarakat tentang Islam.

### **Kaedah Dakwah Melalui Konsep Media**

Penyebaran dakwah melalui konsep media amat penting diimplementasikan bagi menyampaikan ilmu-ilmu Islam pada masa kini. Media menurut Kamus Dewan merupakan satu alat atau perantara komunikasi. Tujuan media adalah untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat dalam masa yang singkat atau pantas dan cepat. Media ini sebagai medium sama ada dalam bentuk elektronik, media cetak atau ditakrifkan bagi keduanya sebagai media massa yang meliputi televisyen, radio, majalah dan sebagainya. Secara umumnya di Malaysia, penyebaran dakwah sejak dari dahulu telah disampaikan melalui metod sama ada dalam bentuk ceramah atau dengan kata lain menggunakan perkataan secara lisan atau tulisan. Penyebaran ini dilakukan dengan individu atau kumpulan golongan sasaran masyarakat secara bersemuka atau penyebaran melalui bentuk tulisan dan sebagainya yang bersesuaian dengan zaman. Pada masa kini teknologi maklumat semakin berkembang dengan adanya facebook, twitter, instragram dan sebagainya. YADIM juga tidak ketinggalan dalam usaha penyebaran dakwah melalui teknologi maklumat ini. YADIM bergeriat secara aktif dalam bentuk penyampaian maklumat dan informasi mengenai Islam dan jemputan dalam menjayakan program-program YADIM. Maklumat tersebut diadakan melalui facebook, twitter, Instragram, YADIMTV, laman web sesawang dan sebagainya.

Manakala bahan-bahan penerbitan melalui bentuk penulisan pula merupakan warisan khazanah intelektual dari satu generasi yang lain bermula dari zaman Rasulullah SAW. Media cetak mempunyai peranan yang besar dalam penyampaian dakwah sebagaimana harapan Yang Dipertua YADIM pertama, Y.B Tan Sri Syed Nasir Ismail menyatakan bahawa:

*“..adalah menjadi hasrat YADIM untuk mengeluarkan penerbitan dalam pelbagai bentuk dan corak yang berjiwa Islam. Saya suka menarik perhatian para penulis dan sasterawan tanah air kita bahawa kita sangat memerlukan bahan-bahan sastera yang berunsur Islam baik dalam bentuk sajak, cerpen, drama dan sebagainya untuk bacaan dan sebagainya untuk bacaan dan panduan umat Islam. Oleh yang demikian, saya menyeru dan mengajak para sasterawan, penyajak, pengarang dan penulis yang sedang giat menghasilkan karya mereka untuk memperkayaan sastera bangsa kita melauskkan atau mengalih pula egiatan mereka kepada bidang sastera yang berunsur Islam. Saya berharap ramai daripada penulis kita yang berjiwa Islam akan tampil untuk mengisi kekosongan dalam jurusan yang belum mereka tempuh. saya berharap penulisan dalam bidang agama ini akan tumbuh dengan suburnya dalam dada pengarang-pengarang kita seimbang tumbuhnya penulisan di bidang sastera bangsa yang sudah subur dan merendang itu..”*

Rentetan daripada kepentingan penerbitan bagi penyampaian maklumat kepada masyarakat mengenai Islam maka YADIM sejak penubuhannya sehingga kini telah menerbitkan beberapa bahan penerbitan antaranya ialah buku, journal, surat khabar, majalah, buletin, risalah,

poster dan sebagainya. Majalah Dakwah edisi pertama bermula pada bulan Mac tahun 1977 membincangkan pelbagai tajuk berdasarkan kepada isu-isu semasa masyarakat. Perkataan dakwah digunakan dalam menerbitkan majalah dan diberi nama Majalah Dakwah bersesuaian dengan fungsi YADIM sebagai Badan Dakwah di negara ini. Majalah Dakwah dihentikan penerbitannya pada tahun 2000 pada edisi ke-271 dan diterbitkan semula pada tahun 2010 sehingga kini. Cetakan untuk majalah ini dikeluarkan dua bulan sekali dengan anggaran tiga puluh (30) ribu naskhah setahun. Majalah Dakwah tersebut dijual kepada kepada masyarakat melalui kedai-kedai buku dan koperasi universiti. Disamping itu juga, YADIM ada menerbitkan Suratkhabar Criteria pada tahun 2006-2008 yang mengumpulkan bahan-bahan penulisan daripada NGO-NGO Islam dibawah naungannya dan juga isu-isu semasa dalam masyarakat. Terdapat juga bahan cetakan ilmiah seperti Journal yang diterbitkan atas nama Journal YADIM dan dicetak pada tahun 2003 -2009 yang pengurusannya diuruskan oleh YADIM sendiri. Bahan-bahan artikel di terima oleh para penulis luar mengikut kepakaran bidang masing-masing. Pada tahun 2012 pula, YADIM telah memperkasa journal ini atas nama Journal UMRAN dan telah menjalin kolaborasi bersama dengan pihak Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). Journal Umran diterbitkan dua (2) kali setahun. Menurut Eksekutif Kanan, Bahagian Penerbitan YADIM menyatakan bahawa:

*"...MoU dengan pihak UPM ini bermula pada tahun 2012 hingga 2017 bagi menerbitkan Journal UMRAN tersebut. Cetakan pertama bermula pada tahun 2015 yang lalu.*

Penerbitan Journal UMRAN telah memberi ruang dan peluang kepada para golongan intelektual untuk menulis artikel, ulasan buku, kajian-kajian dan sebagainya bagi membahaskan kepelbagaiannya secara ilmiah. Dapatkan kajian dihasilkan dan diterbitkan menerusi penyelidikan yang dijalankan oleh para penyelidik secara holistik. Selain itu juga, penerbitan buku-buku keluaran YADIM juga mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat. Buku-buku tersebut mencakupi bidang akidah, ibadah, tafsir, sirah, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Antara buku-buku yang mendapat sambutan menggalakkan ialah Sirah Nabawiyyah yang telah diterbitkan pada tahun 2003 dan sehingga kini telah dicetak ulang sebanyak 8 kali, buku Tokoh-Tokoh Agama & Kemerdekaan Di Alam Melayu yang diterbitkan pada tahun 2005 sehingga kini cetakan kali ketiga penerbitannya. Terdapat juga buku-buku lain yang mendapat sambutan daripada masyarakat di negara ini. Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa produk-produk media massa melalui media cetak atau elektronik mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat untuk pemahaman dan peningkatan ilmu pengetahuan.

## **KESIMPULAN**

Penyelidik mendapati bahawa tinjauan awal metodologi dakwah yang diimplementasikan oleh YADIM melalui pendekatan program dan produk dakwah yang berkonsepkan tarbiyah dan media mendatangkan kesan positif serta menerima sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Gerakan dakwah YADIM dengan memberi kefahaman dan peningkatan ilmu-ilmu Islam yang disesuaikan dengan zaman masa kini. Ini dibuktikan melalui beberapa laporan program sepanjang tahun 2014 dan 2015 yang lalu. Pada pengamatan penyelidik, YADIM menerusi program dan produknya mempunyai peranan yang penting dalam menyebarluaskan dakwah kepada masyarakat. Penyelidik berpendapat juga bahawa program dan produk yang sedia ada boleh divariasikan lagi mengikut kesesuaian semasa hingga ke peringkat akar umbi dan sentiasa berterusan dengan disinergikan melalui penyebarluasan rangkaian hubungan kolaborasi pelbagai agensi atau pertubuhan di negara ini secara komprehensif.

## RUJUKAN

- Sheikh Abdullah Basmeih. T.Thn. Al-Quran Al-Karim *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdullah Mohd Zin, 1991. *Islamic Da'wah*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.
- Abdul Munir Ismail, 2014. *Dakwah suatu Tuntutan Dalam Islam*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim, Perak.
- Abd. Aziz Mohd Zin. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. 2010. *Al-Madkhali ila 'ilm al-Da'wah*. Beirut: Al-Resalah Al A'lamiah
- Bukhari, Abu Abdullah Muhammad b. Ismail b. Ibrahim b. al-Mughirah 1992. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah
- Fadlullah, Muhammad Husayn. 1979. *Uslub al-Dakwah Fi al-Quran*. Beirut: Dar al-Zaharah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida Ismail bin Kathir al-Quraishi al-Dimashqi. 1984. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Alam al-Kutb.
- Laporan Penilaian Wacana Pemantapan Akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah. 2015. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
- Kamus Dewan, 2007. Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Kamus Dwibahasa, 2002, Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Siri Penyiaran Dakwah 1, Penubuhan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia: Kuala Lumpur
- Siri Penyiaran Dakwah 2, Dasar Perjuangan Dan Pergerakan Dakwah. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia: Kuala Lumpur
- Wan Hussein Azmi. 1984. *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- YADIM Laporan program Sepanjang Tahunan 2014. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia: Kuala Lumpur
- Zaydan, Abd Karim. 1991. *Al-Madkhali Li al-Dirasah al-Syar'iyyah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Zaydan, Abd Karim. 2000. *Usul al-Da'wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- 40 Tahun YADIM, Menelusuri Empat Tahun Dasawarsa Dakwah, 2015. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia: Kuala Lumpur

## TEMU BUAL

- En. Zam Zarizal Bin Arifin, Pengurus Eksekutif Bahagian Muamalah, YADIM; 16 Disember 2015 di Pejabat YADIM Kuala Lumpur.
- Puan Zalilah Binti Bahari, Eksekutif Kanan, Bahagian Penerbitan, YADIM; 8 Mac 2016 di Pejabat YADIM.

## MAJALAH DAN AKHBAR

- Majalah Dakwah, 1984. Bulan Mac. YADIM: Kuala Lumpur.
- Utusan Melayu 8 Mei 1972. Kongres Ekonomi Islam Ke-2.
- Utusan Malaysia 19 November 2013. YADIM tekad banteras ajaran sesat - Dr. Asyraf

## FAIL-FAIL JABATAN

- Fail Arkib Negara. 2013. Warta Kerajaan Seri Paduka Baginda,, Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969.

- Fail Arkib Negara. Salinan Rumusan-rumusan Kongres Ekonomi Islam yang ke-2, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Pejabat Perdana Menteri. 7 Januari 1974.
- Fail Arkib Negara. Surat persetujuan Tun Haji Haji Abdul Razak Bin Hussein atas pelantikan jawatankuasa kecil penubuhan Yayasan Dakwah Islam, 11 Mei 1972.
- Fail Arkib Negara. Surat Peguam Negara Malaysia bertarikh 16 Julai 1973 kepada Setiausaha Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam.
- Fail Arkib Negara Surat Perakuan Perbadanan dalam perkara Ordinan Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952. Ditandatangani oleh Peguam Negara bertarikh 30 Mei 1974. Dokumen Sulit.
- Fail Arkib Negara. Catatan nota pertemuan Dato' Haji Ismail bin Panjang Aris dengan YAB Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia pada 10 Mac 1972.
- Fail Arkib Negara. Ucapan YAB Tun Abdul Razak Bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia dalam perjumpaan PERKIM Pahang pada 25 Januari 1974.
- Fail Arkib Negara, Ucapan Y.B Tan Sri Syed Nasir Ismail sempena Kursus Pendidikan Kerohanian di Bukit Mertajam Pulau Pinang pada 7 Januari 1980. Fail Arkib Negara: Kuala Lumpur.

## **KERTAS KERJA**

Kertas Kerja Kelima, Nik Mohyideen Musa, Pengetua Kolej Islam Klang. Penubuhan Perbadanan Kewangan Muslim, Kongres Ekonomi Islam Kedua Pada 7- 9HB. April, 1972.